



Bersama **FIRKHAN**
sembangict@yahoo.com

iTunes dalam Windows

BAGAIMANA untuk memuat turun dan memasang aplikasi iTunes untuk sistem Windows 10?

- JAT, Kuala Kedah.

UNTUK makluman, aplikasi iTunes merupakan aplikasi pengurusan media seperti fail audio dan video yang dibangunkan oleh pihak Apple.

Seterusnya disediakan tatacara untuk memuat turun dan memasang aplikasi iTunes untuk sistem Windows 10.

- Membuka mana-mana pelayar web yang biasa digunakan seperti Google Chrome, Mozilla Firefox dan lain-lain. Pastikan pelayar web tersebut mempunyai sambungan dengan internet.
- Seterusnya taip alamat URL, www.apple.com/itunes di ruangan alamat yang terdapat pada pelayar web.
- Klik pada butang, *Download iTunes* yang berwarna biru di bahagian atas kanan.
- Buat pilihan sama ada mahu melanggan surat berita atau tidak dan pengkatifan penggunaan fungsi maklumat lokasi atau tidak.
- Semak sekali lagi spesifikasi sistem komputer yang digunakan agar memenuhi keperluan spesifikasi yang dikehendaki oleh aplikasi iTunes. Perkara ini perlu untuk memastikan komputer yang digunakan dapat melarikan aplikasi iTunes dengan baik dan tidak mendatangkan masalah.
- Seterusnya bersedia untuk proses memuat turun aplikasi iTunes dengan klik pada butang *Download Now*.
- Klik pada pilihan *download* sebaik sahaja proses sebelumnya selesai untuk melancarkan fail pemasangan.
- Buat pemilihan direktori atau tempat simpanan aplikasi iTunes dalam storan komputer.
- Akhirnya, biarkan proses pemasangan tersebut berlaku sehingga selesai.